

Kandungan

Aktiviti Semasa

- 1 Mesyuarat Agung PPM
- 1 Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2002

Semasa

- 2 Pangkalan Data Komersil

Sekitar Perpustakaan

- 3 KUSTEM
- 3 Pustakaniaga Johor Corporation
- 4 Persaraan Ketua Pustakawan USM
- 4 Retirement of Monash University Chief Librarian
- 4 Persaraan Ketua Pustakawan UM
- 5 ESSET
- 5 The IASL 2002 Conference
- 6 Pakej PPM: Persidangan IFLA ke-68
- 6 Aktiviti Semasa PPM 2002

Maklumat Korporat

- 7 IPL Technologies Group



Ketua pengarang

Maimunah Kadir

Sidang pengarang

Aripah Mohamed
Azmah Ishak
Hazmir Hj. Zainal
Mariati Embong
Norbaizura Hj. Malek

Grafik/layout

Rusiah Husin

UCAPAN TAHNIAH

Di atas

Perlantikan Pn. Zawiyah Baba

Sebagai

Ketua Pengarah PNM yang baru

Mulai

Disember 2001

Mesyuarat Agung PPM

Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) bagi tahun 2001/2002 akan diadakan pada 27 April 2002 ini bertempat di Bilik Kuala Lumpur, Aras 5, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Mesyuarat ini antara lain akan membincangkan beberapa perkara penting berkaitan aktiviti Persatuan ini. Selain mengesahkan Minit Mesyuarat yang lepas, turut diperbincangkan adalah Laporan Tahunan PPM 2001/2002, Penyata Kira-kira 2001, Cadangan Pindaan Perlembagaan dan pembentangan serta penerimaan Usul/Resolusi jika ada. Sejurus selepas majlis perasmian, dua acara pelancaran akan dilangsungkan. Acara tersebut adalah acara Pelancaran Direktori Produk dan Perkhidmatan Perpustakaan Malaysia terbitan Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM). Acara seterusnya adalah Pelancaran Laman Web Kumpulan Pustakawan Perubatan Malaysia atau ringkasnya MLG (Medical Librarians Group of Malaysia). MLG adalah ahli gabungan PPM terdiri daripada Pustakawan-Pustakawan Perubatan dan Sains Kesihatan daripada pelbagai institusi awam, korporat dan swasta. Laman web ini bermatlamat

untuk menyediakan suatu perkongsian maklumat dan sumber di kalangan anggotanya.

ANUGERAH

PNM/PPM telah mencalonkan Dr. Syed Salim Agha, Ketua Pustakawan UIA bagi menerima Consal Outstanding Librarian Award 2001. Beliau merupakan penerima Anugerah Malaysian Librarian of the Year 2001 yang lepas. Anugerah oleh PPM ini adalah sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan beliau di dalam bidang kepustakawanan di negara. Tahniah diucapkan atas kejayaan beliau ini.

JAMUAN MAKAN MALAM

Jamuan anjuran PPM ini bertujuan meraikan persaraan beberapa orang bekas YDP PPM. Bertempat di Bistro Saloma (CourtYard) pada 27 April ini jam 8.30 malam

Untuk keterangan Lanjut:


03-26947390

03-26871816



Berita PPM Keluaran April 2002 ini ditaja oleh
IPL Technologies Sdn. Bhd

Pangkalan Data Komersil (PDK) Langganan Kementerian Pendidikan

 awatankuasa Kecil Pangkalan Data Komersil (JKKPKD) dibentuk bagi mengenalpasti, mengkaji, menilai dan menguruskan perundingan terhadap langganan pangkalan-pangkalan data komersil tempatan/luar negara supaya langganan terhadap pangkalan data tersebut dapat dilakukan secara konsortia. Di bawah PERDANA (Perpustakaan Digital Nasional), sebanyak 6 Jawatankuasa Kecil Kerja (JKK) telah dibentuk. Ahli Jawatankuasa JKPKD adalah terdiri daripada pustakawan-pustakawan dari 14 buah IPTA di Malaysia dengan dipengerusikan oleh Puan Putri Saniah Megat Abdul Rahman, ketua Pustakawan UKM.

Pangkalan Data Komersil langganan Kementerian Pendidikan ialah :

EBSCOHOST BUSINESS SOURCE PREMIER

Ebscohost Business Source Premier (BSP) direka khas untuk memenuhi keperluan sekolah-sekolah perdagangan dan perpustakaan. Mengandungi lebih kurang 1500 jurnal ilmiah dan majalah perdagangan. Pangkalan data ini juga memuatkan laporan pemantauan perdagangan sesebuah negara, laporan perindustrian daripada WEFA (dahulu dikenali sebagai *Wharton Econometric Forecasting Associates*) dan juga laporan perkembangan perdagangan daripada *Economist Intelligent Unit (EIU)*. Termasuk juga maklumat daripada *Dunn & Bradstreet* mengenai 1,400,000 syarikat.

PROQUEST EDUCATION COMPLETE

ProQuest Education Complete (PEC) merupakan pangkalan data yang menyeluruh mengenai pendidikan yang terdapat di pasaran. PEC

meliputi pendidikan kanak-kanak, kurikulum matematik dan psikologi perkembangan. PEC akan membawa para pendidik dan pengurus pendidikan kepada perkembangan terbaru dalam bidang pendidikan yang khusus dan menyediakan sumber pengajaran bagi guru-guru sebagai pendidikan berterusan. Pangkalan data ini meliputi lebih daripada 650 majalah berkaitan dengan pendidikan yang juga merangkumi semua kandungan yang terdapat dalam pangkalan data *Education Plus Text* di mana ianya mengandungi abstrak dan indeks lebih daripada 400 penerbitan dari pangkalan data *H.W. Wilson's Education Abstracts* dengan tambahan teks penuh dan imej yang berjumlah lebih daripada 170 kesemuanya.

SCIENCE DIRECT

ScienceDirect merupakan pangkalan data yang terbesar yang berasaskan langganan dan mengandungi koleksi artikel-artikel, yang terdapat dalam Internet. Boleh didapati melalui WWW, Science Direct membolehkan pelanggan membuat capaian secara dalam talian kepada isi kandungan lebih daripada 1080 majalah penyelidikan sains dalam

persekitaran maklumat yang canggih. Bentuk bibliografi yang bertingkat-tingkat meliputi hampir 4,000 jurnal utama dalam semua bidang sains, termasuklah 1,100 tajuk daripada *Elsevier Science* sejak tahun 1992. Bibliografi yang bertingkat-tingkat ini mengandungi lebih kurang 300,000 daftar isi kandungan, lebih daripada 3 juta abstrak yang kian meningkat, hampir 500,000 abstrak setiap tahun.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai PDK langganan Kementerian Pendidikan sila hubungi :

1. Puan Putri Saniah Megat Abdul Rahman
Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM Bangi,
43600 Selangor DE
Tel: 89215031
E-Mel: psmar@pkrisc.cc.ukm.my
2. Puan Hafsa Mohd
Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM Bangi,
43600 Selangor DE
Tel: 89215126
E-Mel: hafsam@pkrisc.cc.ukm.my

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2002

Tempat: Dewan Tun Razak 3 & 4, PWTC

Tarikh: 26 April - 5 Mei 2002

 emilihan tema Kuasai Dunia Melalui Pembacaan bagi Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur yang ke 21 kali ini adalah bertepatan dengan wawasan untuk membentuk sebuah negara maju dalam tahun 2020. Pesta buku kali ini yang dianjurkan oleh Majlis Buku Kebangsaan Malaysia akan lebih bermakna dengan pelancaran logo dan laman web Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) yang merupakan satu lagi kejayaan yang dicapai oleh warga industri buku negara. Pelancaran logo dan laman web

ini merupakan satu lagi usaha Majlis Buku Kebangsaan Malaysia dan badan-badan dalam industri buku untuk menaikkan taraf dan imej pesta buku yang terunggul di Malaysia setanding dengan pesta buku lain di dunia. Di samping pelancaran logo dan laman web, terdapat beberapa anugerah akan diberikan, antaranya anugerah bagi buku fiksyen, buku remaja, bukan fiksyen, ilmiah serta terjemahan terbaik. Semoga pesta buku kali ini berjaya mencapai objektifnya seperti yang telah direncanakan oleh pihak penganjur.

PERPUSTAKAAN KUSTEM KE ARAH PERPUSTAKAAN FUTURISTIK

oleh : Rosmawati Ramli

Perpustakaan digital yang dinamik dan interaktif merupakan lambang visi baru perpustakaan tradisional di abad ke21 yang dijangka dipenuhi maklumat digital. Cabarannya ialah apakah perancangan, pembinaan bangunan dan perancangan infrastrukturnya, model pengurusan dan bentuk perkhidmatan yang bakal dihidangkan oleh perpustakaan kepada pengguna nanti? Banyak persoalan yang turut didorong oleh tuntutan pengguna dan perkembangan teknologi ini yang perlu dibincang dan ditangani segera. Perkembangan menarik ini telah mendorong penganjuran bengkel iaitu 'WORKSHOP ON FUTURISTIC UNIVERSITY LIBRARY' yang telah diadakan pada 28 hingga 30 Ogos 2001 lalu di Gem Beach Resort, Kuala Terengganu. Bengkel ini telah dirasmikan oleh bekas Dekan Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Prof. Madya Dr. Abdul Majid Mohd Isa dengan penyertaan dari kalangan kakitangan akademik utama dari KUSTEM dan juga jemputan dari IPTA iaitu Timbalan Ketua Pustakawan UIAM, Ketua Pustakawan UKM, Timbalan Ketua Pustakawan UPM, Ketua Pustakawan UTM, Pensyarah dari Fakulti Pengajian Maklumat, UiTM dan jemputan dari luar negara iaitu Timbalan Ketua Pustakawan Nanyang Technological University of Singapore (NTU) dan Ketua Jabatan Environmental Biology, Royal Holloway, University of London. Wakil daripada syarikat-syarikat arkitek iaitu Arkitek Wan Jefri, Arkitek Urbanisma Sdn. Bhd dan Arkitek Ilham Karya Sdn. Bhd. turut dijemput bagi mendapatkan pandangan dan idea berkenaan rekabentuk dan keperluan bangunan baru perpustakaan yang akan didirikan tidak lama lagi. Tiga objektif utama diadakan bengkel ini iaitu:

- i. Untuk mengadakan sesi sumbangsaran dan memilih idea bernas dalam merekabentuk perpustakaan futuristik untuk KUSTEM
- ii. Untuk mengenalpasti keperluan perpustakaan Universiti dan menghasilkan blueprint
- iii. Untuk membincang dan menyatukan semua pandangan serta syor dari perspektif pengguna perpustakaan akademik

Beberapa kertas kerja telah dibentangkan dan antara output utama bengkel ini ialah penghasilan 'architectural design statement' iaitu 'to design a state-of-the-art e-library which is environmentally and

user-friendly in accordance with the aspiration and context of

KUSTEM as the leader in Science and Technology of Natural Resources'. Selain itu, konsep 'hybrid library', fungsi, perkhidmatan, bentuk pentadbiran, model pemasaran dan

juga idea untuk menerapkan konsep 'Information Landscape', 'Information Brokerage', 'Information-Exchange Garden' dan 'access 24/7' yang telahpun dilaksanakan di Perpustakaan NTU melalui projek portal universiti mereka; iGEMS, telah dibincang dan dirumuskan. Sumbangan idea dan perkongsian pengalaman dari para peserta sesungguhnya amat bermakna dan telah menjelaskan bentuk pengurusan baru yang lebih dinamik yang bakal diterapkan nanti. Kita juga berharap semoga usaha ini akan melahirkan warga kampus yang mengamalkan konsep pendidikan sepanjang hayat (life-long learning) apabila proses pelaksanaan bermula nanti.

Perpustakaan

*Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia, (KUSTEM)
21030 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman.*

Tel : 609-6683298 609-6683116

Fax : 609-6692187 609-6697418

<http://www.kustem.edu.my/library/>

Pustakawan Kanan : Aishah Mohd Nasir
Pustakawan : Rosmawati Ramli (Unit Pembangunan Sumber Maklumat)
Pustakawan : Atip Ali (Unit Pengurusan Sumber Maklumat)

PUSTAKANIAGA JOHOR CORPORATION

Perpustakaan telah ditubuhkan sejak awal tahun 1980an bertempat di tingkat 10, Kompleks Tun Abdul Razak, Johor Bahru sebagai sebuah pusat sumber Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ) (kini dikenali sebagai Johor Corporation) KOTARAYA, Johor Bahru dengan keluasan 8180 kaki persegi.

Peranan utama Pustakaniaga ialah sebagai sebuah pusat mengumpul, menyedia dan menyebarkan maklumat serta memberi khidmat rujukan kepada anggota pekerja Johor Corporation, eksekutif bumiputera dan para usahawan bumiputera. Antara lain bertanggungjawab untuk mengesan dan mengenalpasti keperluan maklumat penggunanya pada masa kini dan akan datang untuk rujukan, penyelidikan dan ilmu sejagat.

Johor Corporation telah menubuhkan Kelab Bisnes dan Industri

Johor (Bistari) yang bertujuan untuk mewujudkan jaringan di kalangan usahawan dan bakal usahawan agar mereka dapat bertukar maklumat dan idea di dalam meningkatkan bisnes. Selain itu, Johor Corporation juga telah diberi kepercayaan untuk menguruskan Pusat Bimbingan Usahawan bagi Zon Selatan. Maka di sinilah letaknya keunikan fungsi Pustakaniaga yang turut memainkan peranan di dalam membantu individu/usahawan yang ingin mempertingkatkan diri dalam bidang bisnes. Menyedari hakikat ini, Pustakaniaga bertindak sebagai ejen pengumpul, penyedia, serta penyebar maklumat kepada para individu/usahawan yang ingin mencipta kedudukan yang terbaik dalam dunia bisnes yang mencabar.

Keahlian Pustakaniaga terbuka kepada, Anggota Pekerja Johor Corporation, Ahli Kelab Bisnes dan Industri Johor (BISTARI), Ahli

Lihat muka 8

Persaraan Puan Rashidah Begum Ketua Pustakawan USM

Rada penghujung Disember 2001 yang lalu, Ketua Pustakawan Universiti Sains Malaysia (USM) Puan Rashidah Begum Fazal Mohamed secara rasminya bersara dari perkhidmatan. Beliau juga merupakan mantan Yang Dipertua Persatuan Pustakawan Malaysia dari 1999 hingga April 2001. Beliau yang dilahirkan pada Ogos 1947, banyak menyumbang di dalam bidang kepustakawanan di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa. Beliau banyak menyumbang dalam penerbitan dan pembentangan kertas-kertas kerja di dalam dan luar negara.

Berkelulusan Sarjana Muda Sastera dari Universiti Malaya dan seterusnya A.L.A. (London), beliau seterusnya melanjutkan pelajaran di Institut Teknologi MARA (ITM). Memulakan karier beliau di USM sebagai Pegawai Tadbir dari tahun 1973 hingga 1978 dan kemudiannya pada tahun yang sama 'menjejakkan kaki' ke Perpustakaan USM sebagai Penolong Pustakawan. Dari situ kerjaya beliau melonjak dari jawatan Pustakawan Kanan pada tahun 1983 kepada Ketua Penolong Pustakawan lima tahun kemudian iaitu dalam tahun 1988. Beliau terus menyerlah pada tahun-tahun berikutnya dengan menjawat jawatan Timbalan Ketua Pustakawan mulai Februari 1992 sehingga dilantik memangku jawatan Ketua Pustakawan mulai 8 Mac 1994. Puan Rashidah tidak berhenti di situ kerana pada 1 Oktober 1995 beliau secara rasmi dilantik sebagai Ketua Pustakawan hinggalah kepada tarikh persaraan beliau pada 31 Disember yang lalu.

Sepanjang perkhidmatan di USM, beliau telah dianugerahkan beberapa anugerah dan hadiah. Antaranya termasuklah Pingat Kelakuan Terpuji (Pulau Pinang) pada tahun 1998 dan International Visitor Program Award oleh Kerajaan Amerika Syarikat di bawah program American Libraries dalam tahun 1997. Beliau turut aktif di luar Universiti tidak kira di dalam bidang kepustakawanan mahupun kemasyarakatan. Antara lain penglibatan beliau termasuklah :

1. Perunding Perpustakaan, Universiti of Nottingham in Malaysia mulai Mei 2000
2. Pengerusi Jawatankuasa untuk Perkhidmatan kepada Golongan Istimewa (Penglihatan) dari Februari 2000
3. Executive Board Congress of Southeast Asian Libraries (CONSAL) dari 1999 hingga 2003
4. Yang Dipertua Persatuan Pustakawan Malaysia - 1999 hingga 2001

Lihat muka 8

Persaraan Datuk Dr. Zaiton Osman Ketua Pustakawan UM



Zaiton Osman secara rasminya bersara dari perkhidmatan beliau pada 4 April 2002 yang lepas. Beliau yang telah berkhidmat di Perpustakaan UM semenjak tahun 1969 lagi, telah banyak menyumbang di dalam bidang kepustakawanan bukan sahaja di peringkat kebangsaan malah di peringkat antarabangsa.

Berkelulusan Sarjana Muda Sastera dari Singapura dan seterusnya A.L.A (London), beliau kemudiannya melanjutkan pendidikan di peringkat sarjana di Loughborough University di awal tahun 1980 an. Sebagai seorang ahli akademik beliau memperolehi Ijazah Kedoktoran (PhD) daripada universiti yang sama dalam tahun 1993. Karier beliau di perpustakaan bermula sebagai Pustakawan Katalog dari November 1969 sehingga 1971. Setelah berkhidmat di beberapa bahagian lain di perpustakaan , beliau dilantik sebagai Ketua Bahagian Katalog mulai Februari 1985 dan seterusnya memegang jawatan Ketua Perpustakaan Undang-Undang pada 1986 sebelum mengetuai Perpustakaan Perubatan pada bulan Mei setahun kemudian. Pada Julai 1991 beliau telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pustakawan. Jawatan ini dipegang beliau sehingga September 1993 apabila beliau secara rasmi menjadi Ketua Pustakawan UM yang baru.

Di peringkat Kebangsaan beliau pernah mempengerusikan beberapa jawatankuasa termasuklah 'Working Group on the National Digital Library System' dan Jawatankuasa Pelaksananya dalam tahun 1999. Beliau aktif menghasilkan penulisan yang diterbitkan di dalam pelbagai penerbitan di dalam dan luar negara dan membenteng kertas-kertas kerja di persidangan dan seminar peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kerjaya profesional beliau turut diisi dengan

Lihat muka 8

Retirement of Professor Edward Lim Huck Tee Monash University Chief Librarian

Khoo Siew Mun, Chief Librarian Tun Hussein Onn Library, Sunway College



It will take some time for librarians in this part of the world to get used to the idea that Edward Lim will not be at the helm of Monash University Library after 31 December 2001. For over thirty years, Southeast Asian librarians have known Edward as Head of a big academic library system.

In 1969, Edward Lim left the University of Malaya where he was then the Deputy Librarian, to head the Library of the newly-established Universiti Sains Malaysia (Science University of Malaysia). He was to build the Library into being one of the biggest and most innovative in the region. Under Edward, USM Library led the way in IT and library automation; it coordinated some of Malaysia's major cooperative projects such as MALMARC (Malaysian MARC), an early experiment in automated union cataloguing. His impact on the Malaysian an international bibliographical scene has been tremendous.

Lihat muka 8

**Persidangan /
Bengkel**

**Global Knowledge Renaissance
The Inaugural World Library
Summit 2002 (WLS 2002)**
Date : 24th - 26th April 2002
*Venue : SUNTEC CITY,
SINGAPORE*

**The Library and Information
Association of New Zealand
Aotearoa (LIANZA)
Conference 2002**
**“Winds of Change: Libraries in
the 21st Century - Ka purea e
nga hau a Tawhirimatea”**

Date:

17 - 20 November

Venue:


Wellington Conference Centre
111 Wakefield Street
Wellington

Web site:[http://www.confer.co.nz/
lianza2002/](http://www.confer.co.nz/lianza2002/)

Call for papers:

<http://www.confer.co.nz/lianza2002/>

**Pusat Sumber Maklumat Institut Latihan Keselamatan
Sosial KWSP (ESSET)**

 Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP atau ringkasnya ESSET telah dirasmikan pada 15 Januari 2002 bertempat di Dewan Rafflesia, ESSET. Sebelum tertubuhnya bangunan baru ini, ESSET beroperasi di tingkat 18, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

Perpindahan secara berperingkat-peringkat telah bermula pada akhir bulan Julai sehingga bulan Ogos 2001. Setelah 4 bulan beroperasi di bangunan baru ini, upacara perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kewangan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Shafie Haji Mohd Salleh dalam satu majlis yang gilang-gemilang. Majlis perasmian ini dihadiri orang-orang kenamaan dari jabatan-jabatan kerajaan, swasta dan institusi-institusi latihan yang berdekatan. Turut hadir adalah Pengerusi Eksekutif KWSP Tan Sri Abdul Halim Ali, Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Encik Azlan Zainol serta para pegawai kanan KWSP.

Sesi lawatan turut diadakan sejurus selepas acara perasmian ini tamat. Tetamu dan para dif kehormat telah dibawa melawat ke Pusat Sumber Maklumat ESSET di Aras 2 dan 3. Dalam lawatan tersebut, satu sesi demonstrasi Sistem Automasi Perpustakaan

iaitu ILMU (Integrated Library Management Utility) juga telah diadakan. Sehingga kini Pusat Sumber Maklumat ESSET mempunyai sebanyak 6000 judul bahan yang memfokuskan kepada bidang Keselamatan Sosial, Pengurusan, Pelaburan, Kewangan, Motivasi dan Kaunseling. Buat masa ini keahlian Perpustakaan ini hanya terbuka kepada para kakitangan KWSP sahaja. Walau bagaimanapun menjelang 2003 nanti, keahliannya akan dibuka kepada awam. Perancangan Pusat Sumber ini adalah untuk mengaplikasikan Sistem ILMU di bilik-bilik Sumber di setiap negeri di Malaysia.

Maklumat Korporat :

Pusat Sumber Maklumat ESSET KWSP,
Aras 2, Lot 8827-8829, Batu 18,
Kg. Sg. Tangkas, Jalan Bangi,
Kajang, 43000 Selangor

Pustakawan : Puan Hazrita Hamzah
Tel: 03-89251900 samb. 1314
Faks: 03-89253600.
e-mel: hazritaham@epf.gov.my



The IASL 2002 Conference Organizing Committee cordially invites you to the 31st annual conference of the International Association of School Librarianship, incorporating the 6th International Forum on Research in School Librarianship

Jointly organised by Ministry of Education, National Library of Malaysia, Kuala Lumpur Library, Universiti Malaya, PPM, National Book Council of Malaysia, IIU, UKM, UiTM and Educational Technology Division, Ministry of Education.

Venue : PJ Hilton Petaling Jaya, Malaysia

Date : 5 to 9 August 2002.

Conference Secretariat :

The conference secretariat can be reached at IASL 2002 Conference Secretariat Educational Technology Division Ministry of Education Persiaran Bukit Kiara 50604 Kuala Lumpur Malaysia

Need more information?

Contact

Hajjah Fatimah Jusoh
Chairperson, Conference Secretariat
Tel: +(603) 259 5253 Fax: +(603) 252 3763
Email: kppssp_btp@pnpmpoe.edu.my

or

Che Normadiah Abbas
Secretary, Conference Secretariat
Tel: +(603) 259 5265 Fax: +(603) 252 3763

Email:

normadiahpsp_btp@pnpmpoe.edu.my or psbtp@hotmail.com

or

access our website

<http://www.iaslmalaysia2002.org/>
for updates.



**PAKEJ PPM:
Persidangan IFLA Ke-68
Glasgow, Scotland
16 -27 Ogos 2002**

**Persidangan/
Bengkel**

PENGANGKUTAN

Penerbangan Malaysian Airline/SIA/British Airways

(Glasgow- Dijangka berdekatan dengan stesen keretapi-bas, setiap peserta akan diberi pas percuma untuk menaiki keretapi-bas)

ATURCARA

- 16 Ogos 2002 - Bertolak dari Kuala Lumpur (pagi) dan sampai di London - Glasgow (Meals on Board)
- 17 - 23 Ogos 2002 - Glasgow - Menyertai Persidangan IFLA (B)
- 24 Ogos 2002 - Glasgow - London (B)
- 25 Ogos 2002 - Lawatan Sekitar London (B,L,D)
- 26 Ogos 2002 - Lawatan ke British Library (B)
- 26 Ogos 2002 - London - Kuala Lumpur (10.00 Malam) (Meals on Board)
- (B - Breakfast; L - Lunch; D - Dinner)

TARIKH TUTUP PENDAFTARAN/PEMBAYARAN

Pada / Sebelum 30 APRIL 2002.
Wang pendahuluan sebanyak RM 500.00 perlu dibayar pada/ sebelum 31 Mei 2002. Sekira berlaku pembatalan, deposit tidak akan dikembalikan.
Pembayaran penuh perlu dijelaskan pada atau sebelum 23 Julai 2002.
Wang pos/cek/bank draf perlu dibuat atas nama Persatuan Pustakawan Malaysia

HARGA PAKEJ

- Ahli PPM - RM6,550.00 (Twin Sharing)
- RM7,950.00 (Single)
- Bukan Ahli - RM6,650.00 (Twin Sharing)
-RM8,050.00 (Single)

Maklumat lanjut, Sila hubungi

Pegawai Eksekutif
Tel/Faks: 03-26947390
E-mel: ppm55@po.jaring.my

Cik Siti Fatimah Abd Hai
Tel: 03-26871807

En. Mohd Shariff Mohd Saad
Tel: 013-3520901
E-mel:mohdshar@salam.itm.edu.my

Puan Chin Loy Jyoon
Tel: 03-26871841 (TT)
Faks: 03-29627899

PENGINAPAN

Hotel : London (Novotel - Paragon - President atau Setaraf)
Glasgow (Erskine Bridge - Premier Lodge atau setaraf)

TARIKH	AKTIVITI SEMASA PPM 2002
JANUARI	
11 Januari 2002	Jamuan Hari Raya
26 Januari 2002	Ceramah National Occupational Skill Standard
MAC	
11 – 13 Mac 2002	Bengkel Pembinaan Laman Web Menggunakan Macromedia Director
26 – 27 Mac 2002	Internet-Based Information Services: Effective Web Searching
APRIL	
8 – 13 April 2002	Kursus Pembantu Perpustakaan/Pusat Maklumat
15 April 2002	Seminar Perkembangan Sastera Kanak-Kanak
16 – 18 April 2002	Cataloguing Workshop
27 April 2002	Mesyuarat Agung PPM Makan Malam PPM
MEI	
6 – 8 Mei 2002	Subject Analysis: Subject Cataloguing and Classification Workshop
JUN	
3 – 5 Jun 2002	Rombongan PPM ke Infosoc, Kota Kinabalu
10 – 14 Jun 2002	Workshop: Research Foundation for LIS Profesional
JULAI	
29 Julai 2002	Bengkel Literasi Maklumat dengan Kerjasama Perpustakaan Awam Perak
OGOS	
5 – 9 Ogos 2002	International Associations of School Librarianship, PJ Hilton
15 – 28 Ogos 2002	Rombongan PPM ke IFLA Glasgow
SEPTEMBER	
AWAL September	Bengkel Pendigitalan
17 – 18 September 2002	Workshop on Information audit

IPL TECHNOLOGIES GROUP

The IPL Technologies Group was established in 1996, which pioneered the electronic information distribution business in Malaysia. We were one of the first companies in the information distribution industry to introduce and market the concepts of online journals and databases in Malaysia.

Our Business strategy focuses on providing a powerful and broad suite of Information and Technology solutions and professional services to the academic, medical, scientific and corporate communities.

Our Operations span four countries - Singapore, Hong Kong, Malaysia and Brunei - through three independent Organizations established in 1996. These are IPL Technologies (S) Pte. Ltd., IPL Technologies Sdn. Bhd. (Malaysia) and IPL Technologies (HK) Ltd.

Our Mission is to offer unparalleled features benefits and services for access to the best Scientific, Technical and Medical information.

Our Team has qualified professionals with several years in the Industry of Publishing and Distribution of Medical and Scientific material. All our three Sales Managers are graduates in the Engineering and Computer Technology fields.

Marketing and Distribution of global databases through CD-ROMs and the Internet is our focus. As pioneers in this area since, we are the market leaders in Malaysia in the Scientific & Medical database market. We also provide training and technical support for access to these electronic resources.

Our Products & Include

- 1) Online & CD-ROM based, Scientific, Technical & Medical database access.
- 2) Online & CD-ROM based Journal Subscriptions.
- 3) Online & CD-ROM access to Textbooks
- 4) Online Scientific, Technical & Medical Encyclopedias
- 5) Global News databases & United Nations Documents.

We represent many leading International electronic publishers as their local distribution partners. The databases currently marketed by us are addressed to Scholarly, Research and Professional masses in Malaysia.

Our Information Partners

- 1) Bell & Howell Information and Learning-Proquest (Only in Singapore & Hong Kong)

- 2) Ovid Technologies Inc. / SilverPlatter Information Inc. - Medical (Only in Malaysia & Singapore)
- 3) NewsBank Inc.
- 4) McGraw Hill Co.
- 5) Teton Data Systems – STATRef!
- 6) Wiley InterScience
- 7) Whitaker Ltd.
- 8) Current Science
- 9) Nature Publishing

Our products form the core content of TeleHealth and Hospital Networks in Malaysia, Singapore & Hong Kong. We also provide core content to many academic and medical consortia's across the region. We tailor our products specifically to meet the needs of individual institutions, groups or consortiums. For further information regarding all our products & services, please contact any of our offices mentioned below.

Our Offices

(Singapore/Brunei)
IPL Technologies (S) Pte. Ltd.
15 Beach Road, #02-02 Beach Centre, Singapore 189677
Tel: (65) 6293 4947 Fax: (65) 6293 7526 Email: singapore@ipltech.com
Contact: Kelvin Theseira

(Malaysia)
IPL Technologies Sdn. Bhd.
6-1 First Floor, Jalan 4/4C Desa Melawati, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: (603) 4108 3977 Fax: (603) 4105 5977 Email: malaysia@ipltech.com
Contact: Halina Mohd Razis / Arun Venugopal

(Hong Kong)
IPL Technologies (HK) Ltd
Unit 1201, 12th Floor, Workingbond Commercial Centre, 162-164 Prince Edward Road West, Kowloon, Hong Kong
Tel: (852) 2393 3991 Fax: (852) 2393 9321 Email: hongkong@ipltech.com
Contact: Ivan Wong

Dari muka 4

Rashidah Begum

5. Setiausaha, International Federation of Library Association and Institutions (IFLA), Regional Standing Committee for Asia and Oceania - 1997 hingga 2001
6. Pengerusi, IFLA, Regional Standing Committee for Asia and Oceania - 2001 - 2003
7. Ahli, Lembaga Penyelarasan Division 8, IFLA - 1997 - 2001
8. Pengerusi, Lembaga Penyelarasan Division 8, IFLA - 2001 - 2003
9. Pengerusi, Jawatankuasa Perkhidmatan dan Kebajikan Kakitangan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang dari 1994
10. Ketua Pengarang, Majalah Persatuan Perpustakaan Malaysia - 1997 - 2001

Ucapan tahniah kepada Puan Noor Ida Yang Rashdi yang telah dilantik sebagai Ketua Pustakawan USM yang baru.

Professor Edward Lim Huck Tee

For more than a decade he was the editor of the Journal of the Malaysian Library Association, and he was the President during one of the most active periods in the Association's history. He has been a prolific writer, drawing on his personal research to present countless papers and reports to a diverse array of conferences and colloquia. He authored the book *The Barefoot Librarian*, which drew upon his first academic love of History, as well as upon his calling of being a librarian. When most of the librarians were happy to be made an ALA (Associate of the Library Association, UK), Edward became one of the rare Malaysians to obtain the FLA (Fellow of the Library Association, UK).

In 1988, Edward left USM to become the University Librarian at Monash. Under Edward's leadership, Monash University has become a giant in the Australian academic world, growing from the Clayton campus to a huge system of 6 branch campuses with massive resources, and including two overseas branch libraries.

Edward has always been considered to be a librarian *par excellence* and *sans pareil* by his many librarian-admirers. There are not many librarians to match his knowledge, ability, foresight and vision. He belongs to the traditional school of scholar-librarians who populated an older era of librarianship. His quiet sense of humour tempered a demanding and rigorous working style that always pushed his staff towards the highest achievement, and eventually honed them into being the most professional of librarians in their later life.

The period ahead indicates a period of well-earned and most deserved rest for Edward. However, we have no doubt that the profession and the community will still be able to turn to Edward for continuing involvement. And doubtless his contribution will continue to be substantial. He has accepted an offer to be the Assistant Project Director of the Australian Academic and Research Libraries Network (AARLIN, working from La Trobe University for his project, while retaining his teaching commitments at Monash. We at THOL look forward to having him visit us in days to come.

Speaking for myself, I am proud that we were librarians together during the most exciting eras in Malaysia's bibliographical

development. I am honoured to have served with Edward in various professional projects through the years. Most important of all, I am privilege to have known Edward as a generous colleague and a warm and wonderful friend. I am certain that these sentiments are shared by many.

We wish Edward all the very best for the future.

Datuk Dr. Zaiton Osman

memegang jawatan-jawatan penting termasuklah sebagai Yang Dipertua PPM dalam tahun 1983. Beliau turut menjadi pengerusi beberapa jawatankuasa di bawah PPM dan PERPUN. Beliau juga banyak menghadiri persidangan dan seminar kepustakawanan peringkat kebangsaan yang kebanyakannya beliau memainkan peranan penting sebagai pengerusi atau ahli jawatankuasa penganjur. Beliau kini merupakan konsultant kepada Perpustakaan Universiti Malaya.

Dari muka 3

Pustakaniaga

individu/syarikat bukan bumiputera, pelajar dan penyelidik, Pustakaniaga mempunyai koleksi bahan rujukan dan bacaan yang luas terutamanya dalam bidang bisnes dan pengurusan yang terdiri daripada buku, risalah, laporan tahunan, kertas seminar/nota kursus, terbitan bersiri, laporan sulit dan lain-lain bahan yang sesuai. Antara koleksi yang terdapat di sini ialah:

- Koleksi Khas Usahawan
- Koleksi Buku
- Koleksi Rujukan dan Rujukan Malaysiana
- Koleksi Perundangan
- Koleksi Kertas Seminar/Persidangan
- Koleksi Johor Corporation
- Koleksi Terbitan Bersiri
- Koleksi Laporan Tahunan
- Koleksi Keratan Akhbar
- Koleksi Profail Negara
- Koleksi Risalah
- Koleksi Bahan Pandang Dengar

Puan Khairulbahiyah Yaacob
Tingkat 7, Menara Johor Corporation, KOTARAYA,
80000 Johor Bahru, Johor, MALAYSIA
Telefon : 07-2232692 Samb. 3216, 3218, 3224
Dail Terus : 07-2203216, 2203218, 2203224
Faks : 07-2233175
e-mail : bahiyah@jcorp.com.my lib@jcorp.com.my

Sumbangan Berita

*Berita PPM akan cuba mempertingkatkan kualiti
kandungannya, Oleh itu kami amat
mengalu-alukan sumbangan berita dan rencana daripada para
ahli PPM. Sebarang sumbangan dan komen anda bolehlah di
hantar ke alamat:*

Puan Maimunah Kadir
d/a Perpustakaan
Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak
56000 Cheras
Tel: 03-91702288
E-mail: mai@mail.hukm.ukm.my